CNS3393
[illegible]
aab

MALAYSIA MAMPU ATASI PENCEMARAN
Mahathir - Pencemaran
Daripada Kuah Guan Oo

RIO DE JANEIRO, 14 Jun (Bernama) -- Malaysia kini lebih daripada berkemampuan untuk mengatasi masalah pencemaran, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini Sabtu.

Beliau berkata, keluasan Malaysia sama dengan Britain dengan jumlah penduduk hanya satu pertiga dan pendapatan per kapita satu per 10 daripada negara-negara maju.

+Oleh itu, kadar pembuangan sisa yang mencemarkan alam sekitar amat terhad, kira-kira satu per 13 daripada negara maju,+ kata beliau ketika berucap pada sidang pleno Sidang Kemuncak Bumi di sini yang dihadiri oleh kira-kira 120 ketua negara, presiden dan perdana menteri dari seluruh dunia.

+Sebaliknya, kemampuan kita bagi pelupusan sisa jauh melebihi keperluan kita dengan menarik perhatian bahawa hampir 60 peratus daripada tanah di negara ini diliputi hutan tropika dan kira-kira 15 peratus oleh tanaman pokok.

+Kita dapat menyerap sebarang gas karbon dioksida yang dikeluarkan,+ kata beliau pada hari kedua sidang kemuncak itu yang dianggap sebagai perhimpunan terbesar pemimpin dunia dalam sejarah manusia. -- Lagi

▼14/06/11-10MST

U GB 14-06 00167 BA915
aab

Mahathir - Pencemaran 2 (Akhir) Rio de Janeiro

+Jika masalah pencemaran dapat diatasi dalam lingkungan sempadan negara, maka Malaysia tidak perlu bimbang. Tetapi Malaysia perlu mengatasi masalah pencemaran yang datang dari luar.

+Kebanyakan negara maju telahpun memusnahkan kemampuan masing-masing untuk pelupusan sisa. Negara maju bukan sahaja telah menebang kawasan hutan tetapi pengeluaran sisa mereka amat banyak hingga mereka terpaksa bergantung kepada negara miskin untuk melupuskan sisa ini,+ kata beliau.

Dr Mahathir berkata Malaysia sejak beberapa tahun lepas telah mengambil langkah bagi mengurangkan pelepasan karbon dioksida dan mengenakan cukai 300 peratus ke atas kereta yang mempunyai enjin berkapasiti besar.

+Kereta-kereta kecilpun dikenakan cukai yang tinggi. Tetapi di kebanyakan negara maju, cukai ke atas kenderaan dan petrol hanyalah pada kadar minimum dan ini menyebabkan nisbah yang tinggi bagi kereta:penduduk.

+Sudah tentu pengurangan jumlah kereta persendirian dan pengangkutan awam yamg lebih baik tidak banyak mengubah cara hidup. Sebaliknya, ini akan membantu mengurangkan pemanasan dunia,+ kata beliau. -- Bernama

▼14/06/11-14MST